

'Jauhi diri dari langgar perkara tak boleh diterima agama lain'

KUALA LUMPUR, Ahad — Datuk Musa Hitam hari ini menasihatkan rakyat supaya mengelakkan diri dari melanggar perkara-perkara yang tidak boleh diterima oleh agama lain untuk menjamin perpaduan negara.

Bellau menegaskan, ini hanya boleh dilakukan dengan memahami kepercayaan dan amalan asas setiap agama melalui proses pergaulan dan mengenali satu sama lain.

"Kita hendaklah faham sensitiviti yang tidak boleh diterima oleh sesuatu agama untuk mengelakkan kita dari melanggarnya, termasuk memukul wapen atau laparan," ujarnya.

Prinsip

Berucap di hadapan ratusan ribu rakyat beragama Hindu di perayaan Thaipusam di Batu Caves dekat sini, Timbalan Perdana Menteri mengingatkan tentang bahaya yang boleh ditimbulkan oleh salah tafsiran, perbuatan menakutkan serta ayat-wasangka antara rakyat berbilang keturunan dan agama.

"Kalau tidak memahami kepercayaan sesuatu kaum, saya bimbang bahaya akan timbul," tambahanya.

Datuk Musa berkata, usaha cuba memahami antara satu sama lain, rakyat juga harus menerima hakikat masyarakat kita adalah majmuk yang

memerlukan semangat muhibbah.

"Hadirnya sahabat-sahabat kita dari agama lain ke perayaan ini membuktikan bagaimana rakyat dari keturunan lain faham apa itu perayaan Thaipusam," ujarnya.

Bellau berkata, Kerajaan sentiasa berikhtiar membantu rakyat berbilang keturunan untuk membolehkan mereka mengamalkan agama masing-masing dalam suasana aman dan tenteram.

Kelepasan

"Kita akan cuba membantu di mana yang kita mampu dan cek \$25,000 ini walaupun kecil adalah simbol kesediaan kerajaan membantu," jelasnya.

Sumbangan kerajaan itu sebagai bantuan memperbaiki salah sebuah kuil Hindu di situ.

Terdahulu, Menteri Kerjaya dan Kemudahan Awam, Datuk S. Samy Vellu berkata, perayaan Thaipusam adalah salah satu perayaan keagamaan terbesar negara ini yang bukan sahaja dirayakan oleh penganut-penganut agama Hindu tetapi juga agama lain.

Bellau kemudian meminta kerajaan supaya menimbangkan kemungkinan mengiyatiharkan hari perayaan itu sebagai hari kelepasan di Wilayah Persekutuan.

Turut hadir, Timbalan Menteri Kesihatan, Datuk K. Palmanathan, dan Timbalan Presiden MIC, Senator S. Subramaniam.